

14 JUL 2002

P/raja-MCA/I

PARA PEMIMPIN MCA RAPATKAN JURANG DLM P/RAYA, KATA DR LING

ALOR SETAR, 14 Julai (Bernama) -- Walaupun wujud perbezaan pendapat antara pemimpin-pemimpin MCA, ia tidak akan menjejaskan usaha parti untuk memikat pengundi di pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata perbezaan pendapat itu hanya berlaku sebelum parti itu melaksanakan pelan damai yang disyorkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa bulan lepas.

"Para pemimpin MCA lazimnya bersatu dalam memastikan kemenangan bagi BN. Kita mempunyai sedikit perbezaan pendapat tetapi apabila anda kata anti-PAS, anti-keganasan, ya, kami tetap terus bersatu seperti apa yang berlaku di pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan dan Ketari sebelum ini.

"Di Anak Bukit dan Pendang perkara yang sama akan berlaku dengan kami akan bersatu padu demi kepentingan BN," kata beliau kepada pemberita selepas melawat bilik gerakan MCA bagi pilihan raya kecil Anak Bukit di Pekan Anak Bukit di sini.

Bagaimanapun, Dr Ling berkata, sejak pelan damai yang disyorkan Dr Mahathir dilaksanakan, anggota-anggota MCA telah mengetepikan perbezaan pendapat dalam menjayakan pelan damai itu.

"Kita mempunyai rancangan damai, tetapi apabila datang pilihan kecil para anggota MCA berdiri teguh di sebalik BN dengan memberikan sokongan 100 peratus," dan menambah kata perbezaan pendapat di kalangan pemimpin parti tidak lagi menjadi isu.

Perbezaan sebelum ini antara pemimpin-pemimpin MCA dalam "Team A" dan "Team B" merupakan antara isu yang dibangkitkan oleh pembangkang dalam kempen mereka di kawasan-kawasan masyarakat Cina di kedua-dua kerusi pilihan raya sejak beberapa hari lepas.

Ditanya mengenai maklumat balas yang beliau terima daripada masyarakat Cina semasa kempen, Dr Ling berkata para pengundi Cina di kedua-dua kawasan pilihan raya besar kemungkinan akan menolak PAS kerana mereka mahu membangun bersama sebuah kerajaan yang progresif.

Beliau berkata negeri-negeri lain di bawah pemerintahan BN di Malaysia sedang maju dengan lebih baik berbanding dengan Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh PAS.

"Bagi masyarakat Cina, mereka mahu sistem pendidikan yang baik dan pembangunan yang merupakan faktor penting bagi kemajuan," katanya.

Oleh itu, beliau meminta masyarakat Cina di kedua-dua kawasan pilihan raya untuk turun padang beramai-ramai dan mengundi bagi BN untuk menghantar isyarat jelas kepada Pas yang mereka tidak mahu undang-undang Hudud dilaksanakan di negeri-negeri lain, selain daripada Kelantan dan Terengganu.

Sebelum itu, Dr Ling melawat Pelabuhan Marina Kuala Kedah di Seberang Kota, Kuala Kedah.

Projek bernilai RM25 juta itu boleh menampung 80 kapal pesiar dan akan mempunyai satu rumah kelab untuk menampung industri pelancongan kapal pesiar di negeri itu.

"Apabila projek itu siap hujung tahun ini, ia akan menarik kedatangan banyak kapal pesiar untuk singgah di situ dan menjana bentuk baru pelancongan di negeri itu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sedang berusaha ke arah membina lebih banyak kemudahan di seluruh negara seperti di Port Dickson, Tanjung Pengelih,

Melaka dan Kuantan.

"Saya menyeru kepada masyarakat yang menetap dekat marina supaya tunjukkan sikap ramah mesra kepada para pelancong yang sampai di situ," katanya.

-- BERNAMA

AT KHY PR